

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah penjawat awam bekerja dari rumah dalam fasa yang berbeza pada pandemik COVID-19 ini.

JAWAPAN**YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha Kerajaan untuk meminimumkan risiko jangkitan COVID-19 serta mengoptimumkan tahap penyampaian perkhidmatan, Kerajaan telah menggariskan kadar kehadiran ke pejabat dan Bekerja Dari Rumah (BDR) mengikut fasa berbeza melalui media semasa pelancaran Pelan Pemulihan Negara (PPN) seperti berikut:

| Fasa | Bekerja Dari Rumah (%) | Kehadiran Ke Pejabat (%) |
|-------------|-------------------------------|---------------------------------|
| 1 | 60 | 40 |
| 2 | 40 | 60 |
| 3 | 20 | 80 |
| 4 | 0 | 100 |

Sebagai maklumat, peratusan kehadiran bertugas di pejabat mengikut fasa-fasa peralihan PPN ini tidak termasuk *frontliners*, serta penjawat awam yang bertugas di sektor keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan.